

Terap politik kebencian - Dr. M
Utusan Online
03 September, 2012

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Tindakan peserta Himpunan Janji Bersih memijak gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor membuktikan pembangkang menerapkan budaya politik kebencian di kalangan penyokong mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan itu tidak memberi sebarang kebaikan kepada mana-mana pihak, sebaliknya hanya mendedahkan sisi kebodohan pelakunya.

Beliau berkata, tindakan peserta perhimpunan itu juga menggambarkan sikap tidak bertanggungjawab pembangkang dalam menanam rasa benci terhadap pemimpin negara.

"Tindakan itu langsung tidak memberi kebaikan kepada rakyat, sebaliknya gambaran bahawa rakyat (golongan itu) bukan semakin matang tetapi semakin bodoh. Beginilah budaya kerajaan yang akan didirikan oleh pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika menghadiri majlis jamuan Aidilfitri serta Pelancaran Deklarasi Jihad Yayasan Kajian dan Pembangunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini malam ini.

Pada majlis tersebut, Setiausaha Agung DPMM, Hanafee Yusoff membacakan 17 deklarasii jihad Yayasan Kajian dan Pembangunan pertubuhan itu, antaranya membela dan membina ummah; membela dan membina belia generasi baharu berlandaskan Islam; menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan; memperjuangkan perpaduan ummah serta memperjuangkan ekonomi ummah.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120903/po_07/Terap-politik-kebencian---Dr-M